

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 8 TAHUN 2021**

**Tarikh** : **17 Ogos 2021 (Selasa)**

**Masa** : **10.00 pagi – 11.45 pagi**

**Tempat** : **Secara Dalam Talian  
(Aplikasi Zoom *Meeting*)**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR**

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kelapan bagi tahun 2021 yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.

Mesyuarat Penuh ini dibuat bagi membincangkan cadangan untuk mengkaji semula pindaan Klausula 5.1(ii) Draf Perjanjian Ketujuh Worldwide Holdings Berhad dan pemakluman terhadap semua pindaan yang telah dipersetujui bagi tujuan memuktamadkan draf perjanjian.

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir secara dalam talian dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

### 3.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

#### 3.1 KERTAS CADANGAN UNTUK MENGAJI SEMULA PINDAAN KLAUSA 5.1(ii) DRAF PERJANJIAN KETUJUH WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD DAN PEMAKLUMAN TERHADAP SEMUA PINDAAN YANG TELAH DIPERSETUJUI BAGI TUJUAN MEMUKTAMADKAN DRAF PERJANJIAN

-----  
Kertas cadangan ini disediakan oleh Jabatan Undang-Undang dan dibentangkan oleh Pengarah Undang-Undang.

#### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju untuk menerima** Kertas Cadangan Untuk Mengkaji Semula Pindaan Klausula 5.1(ii) Draf Perjanjian Ketujuh Worldwide Holdings Berhad yang dibentangkan oleh Puan Anita Abd Jalil, Pengarah Undang-undang Majlis Bandaraya Subang Jaya dan **meluluskan** seperti berikut;

- i. Cadangan balas pindaan Worldwide Holdings Berhad bagi perkataan perkataan sebanyak empat ratus (400) tan metrikq diterima pakai di dalam Klausa 5.1 (ii) Perjanjian Pelupusan Sisa Buangan ;
- ii. Untuk mengkaji semula perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil.07/2021 bertarikh 12 Ogos 2021 di perenggan 5.1(ii).

Mesyuarat juga **bersetuju dan meluluskan** untuk mengambil maklum terhadap semua pindaan yang telah dipersetujui bagi tujuan memuktamadkan draf perjanjian seperti berikut;

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
1.	<b>Tajuk</b>	Pihak Berkuasa Tempatan Yang Berkenaan	Majlis Bandaraya Subang Jaya
2.	<b>1.1 Definisi dan Tafsiran</b>	“Caj Pembuangan Sisa (‘Tipping Charge’)” bermaksud caj yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri yang akan dikenakan oleh Pemegang Konsesi terhadap Pihak Berkuasa Tempatan Yang Berkenaan yang dirujuk dalam klausa 3.1;	“Caj Pembuangan Sisa (‘Tipping Charge’)” bermaksud caj yang akan dikenakan oleh Pemegang Konsesi terhadap MBSJ seperti yang dirujuk dalam klausa 3.1;
3.	<b>1.1 Definisi dan Tafsir (Tambahan)</b>	-	“ <b>Harga Kontrak</b> ” bermaksud harga kontrak berjumlah Ringgit Malaysia Lapan Juta Tiga Puluh Ribu Sahaja (RM8,030,000.00) seperti yang

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>dirujuk di dalam Klausa 6.1. (Nota: Bagi tujuan untuk mengelakkan keraguan, Harga Kontrak adalah berdasarkan jumlah anggaran tahunan Caj Pembuangan Sisa (Flipping Charge) yang dikenakan kepada MBSJ oleh Pemegang Konsesi bagi tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dan rujukan kepada Harga Kontrak hanya terpakai kepada Klausa 6.1;</p>
4.	<p><b>3.1 Caj Pembuangan Sisa</b></p>	<p>3.1 Pihak Berkuasa Tempatan bersetuju membayar Caj Pembuangan Sisa kepada Pemegang Konsesi atas dasar setiap tan metrik Sisa yang dihantar ke Tapak Pelupusan di bawah Perjanjian ini pada kadar RM 55.00 (iaitu kenaikan sebanyak RM19.00 berbanding dengan caj pembuangan sisa yang terakhir dipersetujui sebanyak RM36.00 untuk setiap tan metrik) bagi tempoh [tiga (3)] tahun pertama berkuat kuasa dari, dan selepas, Tarikh Permulaan WTE 1 dan selepas itu, pada</p>	<p>3.1 MBSJ bersetuju untuk membayar Caj Pembuangan Sisa (Flipping Charge) kepada Pemegang Konsesi atas dasar setiap tan metrik Sisa yang dihantar oleh MBSJ untuk diproses di Kemudahan ISWMC (termasuk Tapak Pelupusan Sanitari dan Kemudahan WTE) di bawah Perjanjian ini pada kadar RM 55.00 (iaitu kenaikan sebanyak RM19.00 berbanding dengan caj pembuangan sisa yang terakhir dipersetujui sebanyak RM36.00 untuk setiap tan metrik) bagi tempoh tiga (3) tahun pertama berkuat kuasa dari dan selepas Tarikh Permulaan WTE 1 dan selepas itu, <b>boleh pada setiap tiga (3) tahun menyemak semula kadar Caj</b></p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>selang masa [tiga (3)] tahun akan berlaku penyemakan semula kadar Caj Pembuangan Sisa kepada kadar yang munasabah pada waktu itu tidak kurang dari kadar yang tercatat di dalam klausa ini.</p>	<p><b>Pembuangan Sisa (Tipping Charge)</b> kepada kadar yang munasabah pada waktu itu yang tidak melebihi daripada <b>lima peratus (5%)</b>, dengan syarat semakan dan kenaikan kadar hendaklah tertakluk kepada persetujuan bersama Pihak-Pihak.</p>
5.	<p><b>3.4 Caj Pembuangan Sisa</b></p>	<p>3.4 Sekiranya Pembayaran Bulanan tidak dibayar selaras dengan Perjanjian ini, Pemegang Konsesi diberi kuasa untuk mengenakan faedah ke atas pembayaran lewat pada kadar satu persepuluh lima peratus (1.5%) melebihi kadar pinjaman asas Malayan Banking Berhad yang akan dikira atas dasar harian (%faedah Pembayaran Lewat+) dan Faedah Pembayaran Lewat tersebut akan terakru ke atas agregat Pembayaran Bulanan yang tertunggak dari hari sebaik sahaja selepas luputnya tempoh <b>tiga puluh (30)</b></p>	<p>3.4 Sekiranya Pembayaran Bulanan tidak dibayar selaras dengan Perjanjian ini, Pemegang Konsesi diberi kuasa untuk mengenakan faedah ke atas pembayaran lewat pada kadar satu persepuluh lima peratus (1.5%) melebihi kadar pinjaman asas Malayan Banking Berhad yang akan dikira atas dasar harian (%faedah Pembayaran Lewat+) dan Faedah Pembayaran Lewat tersebut akan terakru ke atas agregat Pembayaran Bulanan yang tertunggak dari hari sebaik sahaja selepas luputnya tempoh <b>enam puluh (60) hari</b> yang disebut sebelum ini sehingga dan termasuk tarikh penyelesaian agregat Pembayaran Bulanan tertunggak, apabila dituntut secara bertulis.</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>hari yang disebut sebelum ini sehingga dan termasuk tarikh penyelesaian agregat Pembayaran Bulanan tertunggak, apabila dituntut secara bertulis.</p>	
6.	<p><b>5.1.8 Waad-waad oleh dan Hak- hak MBSJ (Eksklusiviti)</b></p>	<p>5.1.8 Berkuatkuasa dari tarikh Perjanjian ini:</p> <p>(i) tidak mengendalikan atau membenarkan kawasan pembuangan dan/atau kemudahan pelupusan yang baharu kecuali dipersetujui sebaliknya secara bertulis oleh Kerajaan Negeri; atau</p> <p>(ii) membenarkan pengendalian kawasan pembuangan dan/atau kemudahan pelupusan yang baharu oleh pihak lain dalam kawasan bidang kuasanya kecuali dipersetujui sebaliknya secara bertulis oleh Kerajaan Negeri.</p>	<p>(vii) berkuatkuasa dari tarikh Perjanjian ini, dan hanya terhad kepada jumlah pungutan yang dinyatakan di bawah Klausa 5.1(ii) Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai 'Pungutan Tersebut'):-</p> <p>(a) tidak membenarkan Pungutan Tersebut dilupuskan di kawasan pembuangan dan/atau dikendalikan di kemudahan pelupusan yang lain yang mempunyai teknologi yang sama dan/atau serupa dengan teknologi Kemudahan WTE kecuali yang dipersetujui sebaliknya secara bertulis oleh Pihak-Pihak; dan/atau</p> <p>(b) tidak membenarkan pelupusan Pungutan Tersebut dikendalikan di kawasan pembuangan dan/ atau kemudahan pelupusan yang baharu oleh pihak lain dalam kawasan bidang kuasanya kecuali yang dipersetujui</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			sebaliknya secara bertulis oleh Pihak-Pihak; dan
7.	<b>5.1.9 Waad-waad oleh dan Hak- hak MBSJ (Eksklusiviti)</b>	5.1.9 tidak menghantar Sisa dan/atau tidak mengarahkan Kontraktor Berlesennya untuk menghantar Sisa ke mana-mana kemudahan pelupusan melainkan Tapak Pelupusan Sanitari dan / atau ISWMC kecuali dipersetujui sebaliknya secara bertulis oleh Kerajaan Negeri.	(viii) tidak menghantar Sisa dan/atau tidak mengarahkan Kontraktor Berlesennya untuk menghantar Sisa ke mana-mana kemudahan pelupusan melainkan Kemudahan WTE kecuali yang dipersetujui sebaliknya secara bertulis oleh Pihak-Pihak.
8.	<b>8 Bon Pelaksanaan (Tambahan)</b>	-	6. BON PELAKSANAAN  6.1 Pemegang Konsesi dengan ini mengesahkan bahawa sebelum Perjanjian ini ditandatangani, Pemegang Konsesi telah mengemukakan kepada MBSJ Bon Pelaksanaan berjumlah Ringgit Malaysia Empat Ratus Satu Ribu Lima Ratus Sahaja (RM401,500.00) iaitu bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada nilai Harga Kontrak dalam bentuk:-  (i) Jaminan bank/syarikat kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ syarikat kewangan yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>Kewangan 2013 yang beroperasi di Malaysia; dan/atau</p> <p>(ii) Jaminan bank/syarikat kewangan Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan Islam yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang beroperasi di Malaysia.</p> <p>6.2 Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah sah dan kekal berkuatkuasa dalam tempoh Perjanjian ini dan sehingga dua belas (12) bulan selepas tamat Tempoh Perjanjian dan/ atau pada tarikh tamat tempoh lanjutan Perjanjian ini, mengikut mana-mana yang berkenaan (selepas ini dirujuk sebagai %Tempoh Bon Pelaksanaan+).</p> <p>6.3 MBSJ berhak pada bila-bila masa di dalam Tempoh Bon Pelaksanaan untuk mengambil dan/atau merampas keseluruhan dan/ atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan tersebut, sekiranya Pemegang Konsesi didapati telah melakukan pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>dalam Perjanjian ini, tanpa menyentuh apa-apa hak lain MBSJ dalam Perjanjian ini.</p> <p>6.4 Jika bayaran dibuat kepada MBSJ berkaitan dengan tuntutan di bawah Bon Pelaksanaan selaras dengan Klausa 6.3, Pemegang Konsesi hendaklah mengeluarkan kepada MBSJ bon pelaksanaan tambahan yang tidak kurang daripada amaun yang patut dibayar kepada MBSJ berikutan tuntutan tersebut, pada/ atau sebelum tarikh pembayaran itu supaya jumlah wang bagi Bon Pelaksanaan adalah kekal pada setiap masa pada nilai yang dinyatakan di Klausa 6.1.</p>
9.	<b>8 Penamatan</b>	<p>8.1 Pemegang Konsesi berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis satu (1) bulan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya:-</p> <p>8.1.1 Pihak Berkuasa Tempatan ingkar membayar sebarang jumlah di bawah Perjanjian ini pada tarikh kena dibayar</p>	<p><b>(Klausa Penamatan distruktur semula seperti berikut)</b></p> <p>9. Penamatan oleh Pemegang Konsesi</p> <p>9.1 Pemegang Konsesi berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis satu (1) bulan kepada MBSJ sekiranya:-</p> <p>(i) MBSJ ingkar membayar</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>tanpa sebarang sebab yang adil dan munasabah; atau</p> <p>8.1.2 Pihak Berkuasa Tempatan melakukan kemungkiran material terhadap sebarang peruntukan Perjanjian ini, yang tidak boleh diremedi, tidak diremedi dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas notis diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan daripada Pemegang Konsesi yang meminta tindakan diambil untuk meremedinya; atau</p> <p>8.1.3 Kerajaan Negeri tanpa sebab yang munasabah gagal melaksanakan atau memenuhi sebarang kewajipannya antara lain untuk meluluskan dasar-dasar berkenaan Konsesi dan penghantaran sisa minimum kepada Pemegang Konsesi dan mengesyorkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya</p>	<p>sebarang jumlah di bawah Perjanjian ini pada tarikh kena dibayar tanpa sebarang sebab yang adil dan munasabah; atau</p> <p>(ii) MBSJ melakukan kemungkiran material (kecuali Klausa 5.1(ii)) terhadap sebarang peruntukan Perjanjian ini, yang tidak boleh diremedi atau tidak diremedi dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas notis bertulis diberikan kepada MBSJ daripada Pemegang Konsesi yang meminta tindakan diambil untuk meremedinya.</p> <p>10. Penamatan oleh MBSJ</p> <p>10.1 MBSJ berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis satu (1) bulan kepada Pemegang Konsesi sekiranya:-</p> <p>(i) Pemegang Konsesi melakukan kemungkiran material terhadap sebarang peruntukan Perjanjian ini, yang tidak boleh diremedi atau tidak diremedi dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas notis bertulis diberikan kepada Pemegang Konsesi</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>menghantar Sisa yang dipungut ke Tapak Pelupusan, yang memudaratkan hak dan kuasa Pemegang Konsesi; atau</p> <p>8.1.4 Kerajaan Negeri mengekspropriasi Tapak Pelupusan jika Kerajaan Negeri menganggap ekspropriasi tersebut adalah perlu bagi kepentingan negara, keselamatan negara atau bagi tujuan dasar kerajaan atau dasar awam.</p> <p>8.2 Pihak Berkuasa Tempatan berhak menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis satu (1) bulan kepada Pemegang Konsesi sekiranya:-</p> <p>8.2.1 Pemegang Konsesi melakukan kemungkiran material terhadap sebarang peruntukan Perjanjian ini, yang tidak boleh diremedi, tidak</p>	<p>daripada MBSJ yang meminta tindakan diambil untuk meremedinya; atau</p> <p>(ii) apa-apa langkah diambil untuk penggulangan (sama ada secara sukarela, bukan sukarela atau sebaliknya) dan/atau likuidasi Pemegang Konsesi; atau</p> <p>(iii) petisyen penggulangan dimulakan atau dikemukakan terhadapnya dan petisyen tersebut tidak dicabar oleh Pemegang Konsesi; atau</p> <p>(iv) Pemegang Konsesi melakukan tindakan insolvensi atau apa-apa tindakan yang serupa dengannya; atau</p> <p>(v) penerima dan/atau pengurus dan/atau pemegang amanah dilantik untuk mengambil milikan harta Pemegang Konsesi; atau</p> <p>(vi) Pemegang Konsesi tidak dapat melaksanakan kewajipan/ obligasi di bawah Perjanjian ini atau melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang; atau</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>diremedi dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas notis diberikan kepada Pemegang Konsesi daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang meminta tindakan diambil untuk meremedinya; atau</p> <p>8.2.2 apa-apa langkah diambil untuk penggulangan (sama ada secara sukarela, bukan sukarela atau sebaliknya), likuidasi Pemegang Konsesi; atau</p> <p>8.2.3 petisyen penggulangan dimulakan atau dikemukakan terhadapnya dan petisyen tersebut tidak dicabar oleh Pemegang Konsesi; atau</p> <p>8.2.4 Pemegang Konsesi melalukan tindakan insolvensi atau apa-apa tindakan yang serupa dengannya; atau</p>	<p>(vii) jika seluruh Tapak Projek diekspropriasi di atas kepentingan negara, keselamatan negara atau bagi tujuan dasar kerajaan atau dasar awam; atau</p> <p>(viii) Pemegang Konsesi menggantung perkhidmatan dan gagal meneruskan secara teratur dan tekun dengan prestasi kewajipannya di bawah Perjanjian ini; atau</p> <p>(ix) Pemegang Konsesi gagal, ingkar dan/atau mungkir dalam melaksanakan apa-apa tanggungjawabnya menurut Perjanjian ini dan/atau gagal mematuhi apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini atau mana-mana arahan bertulis yang dikeluarkan oleh MBSJ atau wakilnya kepada Pemegang Konsesi; atau</p> <p>(x) Pemegang Konsesi mencemar nama baik MBSJ. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, definisi mencemar adalah apa-apa kesalahan yang dinyatakan di bawah Akta Fitnah 1957.</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>8.2.5 penerima dan/atau pengurus dan/atau pemegang amanah dilantik untuk mengambil milikan harta Pemegang Konsesi; atau</p> <p>8.2.6 Pemegang Konsesi menerima arahan daripada Kerajaan Negeri, yang menyebabkan pelaksanaan kewajipan/obligasi Pemegang Konsesi di bawah Perjanjian ini menyalahi undang-undang.</p> <p>8.2.7 Kerajaan Negeri mengekspropriasi Tapak Pelupusan jika Kerajaan Negeri menganggap ekspropriasi tersebut adalah perlu bagi kepentingan negara, keselamatan negara atau bagi tujuan dasar kerajaan atau dasar awam.</p> <p>8.2.8 Pihak Berkuasa Negeri mempunyai</p>	<p>10.2 Walau apa pun yang bertentangan yang terkandung di dalam Perjanjian ini, sekiranya terdapat dan/ atau berlaku penutupan keseluruhan, kegagalan operasi dan/atau kerja pembaikan di Kemudahan ISWMC, Tapak Pelupusan dan/ atau Projek, Pemegang Konsesi berhak untuk meremedikan kemungkiran tersebut dalam masa seratus lapan puluh (180) hari selepas notis diberikan kepada Pemegang Konsesi daripada MBSJ dan jika pembaikan tidak boleh diremedi dalam tempoh tersebut walaupun setelah langkah munasabah pembaikan telah dibuat oleh Pemegang Konsesi, tempoh masa untuk meremedikan kemungkiran tersebut akan terus dilanjutkan selama seratus lapan puluh (180) hari, dan selepas itu jika Pemegang Konsesi masih gagal meremedikan kemungkiran tersebut, MBSJ berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis untuk menyatakan sedemikian.</p> <p>11. Penamatan di atas Sebab Kekecewaan Kontrak</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>bukti bahawa Pemegang Konsesi terlibat dalam rasuah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang berkenaan dengan Perjanjian ini.</p> <p>8.3 Perjanjian ini akan tertamat secara automatik jika terdapat penamatan Konsesi antara Kerajaan Negeri dan Pemegang Konsesi.</p> <p>8.4 Tanpa prejudis kepada peruntukan lain dalam Klausa ini, apa-apa penamatan Perjanjian ini yang walau bagaimanapun jua berbangkit tidak akan memudaratkan atau menjejaskan hak dan liabiliti pihak-pihak yang terakru setakat tarikh penamatan.</p> <p>8.5 Pihak Berkuasa Tempatan dan/atau Kontraktor Berlesennya hendaklah menyelesaikan semua Pembayaran Bulanan yang belum dijelaskan</p>	<p>11.1 Mana-mana Pihak di dalam Perjanjian ini boleh menamatkan Perjanjian ini di atas sebab kekecewaan kontrak (frustration of contract) dengan memberikan notis bertulis tidak kurang dari tiga puluh (30) hari dan tertakluk pada persetujuan kedua-dua belah Pihak.</p> <p>12. Penamatan Atas Persetujuan Bersama</p> <p>12.1 Mana-mana Pihak di dalam Perjanjian ini boleh pada bila-bila masa dalam tempoh Perjanjian ini menamatkan Perjanjian ini secara persetujuan bersama dengan memberikan notis tidak kurang dari tiga puluh (30) hari kepada Pihak yang satu lagi. Penamatan ini tidak boleh dianggap sebagai satu pelanggaran syarat dan terma Perjanjian ini dan mana-mana Pihak adalah tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan bagi apa-apa gantirugi, kerugian, kos dan/atau perbelanjaan yang ditanggung akibat daripada persetujuan penamatan secara bersama ini.</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>yang kena dibayar kepada Pemegang Konsesi.</p>	<p>13. Penamatan atas sebab Penamatan Konsesi</p> <p>13.1 Mana-mana Pihak di dalam Perjanjian ini berhak untuk menamatkan Perjanjian ini, sekiranya Konsesi ini ditamatkan dan pihak Pemegang Konsesi tidak memegang konsesi untuk projek yang serupa dengan Konsesi bagi Projek yang tertera di dalam Perjanjian Induk yang disebut di atas, dengan penamatan secara serta merta dengan memberi notis kepada Pihak yang satu lagi untuk menyatakan sedemikian.</p> <p>13.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan, Klausa 17 adalah digunapakai.</p> <p>14. Penamatan disebabkan rasuah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang</p> <p>14.1 MBSJ berhak menamatkan perjanjian ini dengan serta merta sekiranya wakil atau pekerja atau agen Pemegang Konsesi yang sah, disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>apa-apa aktiviti yang tidak sah di sisi undang-undang berkaitan dengan Perjanjian ini.</p> <p>14.2 Sekiranya MBSJ mempunyai bukti bahawa wakil atau pekerja atau agen kepada Pemegang Konsesi terlibat dalam rasuah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan dengan Perjanjian ini, MBSJ hendaklah memberikan kepada Pemegang Konsesi tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh notis yang diberikan kepada Pemegang Konsesi daripada MBSJ bagi membolehkan Pemegang Konsesi untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap wakil atau pekerja atau agen kepada Pemegang Konsesi yang terbabit. Sekiranya Pemegang Konsesi gagal untuk mengambil tindakan sewajarnya, MBSJ berhak untuk menamatkan Perjanjian dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kepada Pemegang Konsesi. Apabila Perjanjian ini ditamatkan, Klausa 17 Perjanjian ini akan digunapakai.</p> <p>14.3 Bagi mengelakkan</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>sebarang keraguan, definisi rasuah adalah apa-apa kesalahan yang dinyatakan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.</p> <p>15. Penamatan atas sebab Kepentingan Nasional</p> <p>15.1 Walau apapun yang bertentangan dalam Perjanjian ini, MBSJ berhak untuk membuat penamatan awal dengan mengemukakan kepada Pemegang Konsesi suatu notis bertulis tidak kurang dari tiga puluh (30) hari tentang hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini, dalam keadaan tidak berlakunya sebarang pelanggaran mana-mana terma atau syarat Perjanjian ini oleh Pihak-Pihak, tanpa kewajipan untuk memberikan sebab-sebab penamatan, sekiranya penamatan tersebut adalah demi kepentingan nasional, di atas keperluan keselamatan nasional, pertukaran polisi kerajaan (Negeri atau Persekutuan) atau polisi awam dan bagi maksud Klausa ini, apa yang merangkumi %kepentingan nasional+, %keperluan</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>keselamatan nasional, polisi kerajaan (Negeri atau Persekutuan) dan polisi awam akan hanya dibuat dan ditentukan oleh MBSJ dan penentuan tersebut untuk apa-apa niat dan tujuan adalah muktamad dan mutlak serta tidak boleh dicabar dalam apa-apa juga keadaan. Penamatan Perjanjian ini akan berkuatkuasa setelah tamatnya tempoh notis seperti yang dinyatakan di atas.</p> <p>15.2 Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausa ini, Pemegang Konsesi berhak mendapat pembayaran yang termaktub di dalam Perjanjian ini sehingga tarikh penamatan Perjanjian ini atau apa-apa jumlah pembayaran yang munasabah yang ditentukan oleh MBSJ.</p> <p>16. Hak Pihak-Pihak apabila Perjanjian ditamatkan</p> <p>16.1 Tanpa prejudis kepada peruntukan lain dalam Klausa ini, apa-apa penamatan Perjanjian ini yang walaubagaimanapun jua berbangkit tidak akan memudaratkan atau</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>menjejaskan hak dan liabiliti Pihak-Pihak yang terakru setakat tarikh penamatan Perjanjian ini.</p> <p>17. Kesan Penamatan</p> <p>17.1 Apabila Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausa 9, Klausa 10, Klausa 13 dan Klausa 14 Perjanjian ini, segala kuasa dan hak yang diberikan dan obligasi dalam Perjanjian ini ditamatkan serta merta dan Pemegang Koneksi hendaklah:-</p> <p>(i) Membenarkan MBSJ menghantar menghantar Sisa ke Tapak Pelupusan Sanitari dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penamatan tersebut tanpa sebarang bayaran atas dasar kepentingan awam di dalam pengurusan sisa penduduk MBSJ, kecuali jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah Klausa 9 dan Klausa 13;</p> <p>(ii) Mengemukakan kepada MBSJ suatu laporan terperinci berkenaan pembayaran yang kena bayar dan terhutang kepada MBSJ sebelum penamatan untuk</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>pengesahan, kelulusan dan pembayaran oleh MBSJ kepada Pemegang Konsesi;</p> <p>(iii) Dalam apa juga keadaan menyerahkan semua laporan, rekod, dokumen, spesifikasi dan lain-lain bahan yang serupa mengenai penghantaran Sisa kepada MBSJ kecuali kertas kerja Pemegang Konsesi dan Salinan arkib nasihat, laporan atau pendapat untuk menyokong apa-apa nasihat, pendapat atau laporan yang boleh diberikan oleh Pemegang Konsesi; dan</p> <p>(iv) Membenarkan pihak ketiga untuk membuat suatu perjanjian dengan MBSJ atau mana-mana orang yang difikirkan perlu oleh MBSJ bagi maksud menjalankan atau menyempurnakan penghantaran Sisa.</p> <p>17.2 Jika Perjanjian ini ditamatkan selaras dengan Klausa 10 oleh MBSJ, MBSJ:-</p> <p>(i) Berhak untuk menuntut terhadap Pemegang Konsesi apa-apa kehilangan dan kerugian akibat daripada</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>penamatan Perjanjian ini;</p> <p>(ii) Berhak mengambil apa-apa tindakan sewajarnya terhadap apa-apa pelanggaran terma dan syarat Perjanjian ini bagi kesalahan yang dilakukan oleh Pemegang Konsesi sebelum tarikh tamat Perjanjian ini, sekiranya ada;</p> <p>(iii) Berhak melantik pihak lain untuk melaksanakan obligasi Pemegang Konsesi di bawah Perjanjian ini di dalam tempoh notis penamatan yang dikeluarkan dan Pemegang Konsesi hendaklah membayar kepada MBSJ semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MBSJ berikutan pelantikan tersebut sebagai ganti rugi;</p> <p>(iv) Bertanggungjawab mengembalikan Bon Pelaksanaan tanpa faedah setelah menolak apa-apa bayaran yang dikenakan terhadap Pemegang Konsesi mengikut Perjanjian ini, sekiranya ada;</p> <p>(v) Tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>berikutan dengan penamatan Perjanjian ini kecuali apa-apa tuntutan yang timbul disebabkan oleh pelanggaran kepada terma dan syarat Perjanjian ini yang berlaku sebelum tempoh perjanjian tamat; dan</p> <p>(vi) Berhak untuk menghantar Sisa ke tapak pelupusan sanitari alternatif di dalam tempoh notis penamatan dan/atau berhak untuk menahan sebarang pembayaran bagi mana-mana bulan yang yang perkhidmatan gagal diberikan.</p> <p>TERTAKLUK BAHAWA penamatan hendaklah tidak memberi kesan atau menjejaskan hak mana-mana Pihak yang terakru sebelum penamatan Perjanjian ini dan obligasi di bawah Perjanjian ini akan berterusan walaupun selepas penamatan Perjanjian ini berkenaan dengan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang berlaku sebelum penamatan Perjanjian ini.</p> <p>17.3 Jika Perjanjian ini ditamatkan selaras dengan Klausa 9 oleh Pemegang</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>Konsesi:-</p> <p>(i) MBSJ dan/atau Kontraktor Berlesen (seperti yang diarahkan oleh MBSJ), hendaklah menyelesaikan semua Pembayaran Bulanan yang belum dijelaskan yang perlu dibayar kepada Pemegang Konsesi dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari termasuk semua Faedah Pembayaran Lewat, jika ada;</p> <p>(ii) Berhak untuk menuntut terhadap MBSJ apa-apa kehilangan dan kerugian akibat daripada penamatan Perjanjian ini;</p> <p>(iii) Berhak mengambil apa-apa tindakan sewajarnya terhadap apa-apa pelanggaran terma dan syarat Perjanjian ini bagi kesalahan yang dilakukan oleh MBSJ sebelum tarikh tamat Perjanjian ini, sekiranya ada;</p> <p>(iv) MBSJ bertanggungjawab untuk mengembalikan Bon Pelaksanaan tanpa faedah kepada Pemegang Konsesi tanpa sebarang penolakan; dan</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>(v) Pemegang Konsesi tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan berikutan dengan penamatan Perjanjian ini kecuali apa-apa tuntutan yang timbul disebabkan oleh pelanggaran kepada terma dan syarat Perjanjian ini yang berlaku sebelum tempoh perjanjian tamat.</p> <p>TERTAKLUK BAHAWA penamatan hendaklah tidak memberi kesan atau menjejaskan hak mana-mana Pihak yang terakru sebelum penamatan Perjanjian ini dan obligasi di bawah Perjanjian ini akan berterusan walaupun selepas penamatan Perjanjian ini berkenaan dengan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang berlaku sebelum penamatan Perjanjian ini.</p>
10.	<p><b>Penyelesaian Pertikaian (“Dispute Resolution”)</b></p> <p><b>(Tambahan Klausa)</b></p>	-	<p>18. Penyelesaian Pertikaian (Dispute Resolution)</p> <p>18.1 Sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan diantara Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini boleh dirujuk oleh mana-mana Pihak kepada jawatankuasa penyelesaian pertikaian yang mengandungi ahli-ahli yang</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>berikut:-</p> <p>(i) Tiga (3) orang wakil daripada Kerajaan Negeri yang terdiri daripada seorang (1) wakil dari Perbendaharaan Negeri Selangor, seorang (1) wakil dari Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan seorang (1) wakil dari Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri;</p> <p>(ii) Dua (2) orang wakil yang dilantik oleh MBSJ; dan</p> <p>(iii) Dua (2) orang yang dilantik oleh Pemegang Konsesi.</p> <p>(%awatan kuasa Penyelesaian Pertikaian+).</p> <p>18.2 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh merujuk sebarang isu dalam pertikaian kepada pakar bebas (independent expert) dalam bidang yang berkenaan untuk menasihati Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tentang isu yang telah dirujuk dan semua kos, bayaran dan</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>perbelanjaan pakar bebas tersebut akan ditanggung sama rata oleh kedua-dua Pihak.</p> <p>18.3 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan menentukan sendiri segala prosedurnya. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan mengadakan mesyuarat dan mencuba untuk mencapai penyelesaian secara baik.</p> <p>18.4 Jika mana-mana hal, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak boleh dipersetujui oleh kedua-dua Pihak dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan diputuskan, salah satu Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa.</p> <p>18.5 Rujukan sebarang pertikaian kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian dan Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa atau apa-apa prosiding yang berbangkit daripada rujukan itu bukan merupakan suatu</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			penepian tanggungjawab Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini.
11.	<b>10 Timbang Tara ("Arbitration")</b>	<p>10. Timbang tara (Arbitration)</p> <p>10.1 Timbang tara hendaklah diadakan di Kuala Lumpur selaras dengan kaedah-kaedah timbang tara yang dimodifikasi atau digunapakai oleh Asian International Arbitration Centre("AIAC") untuk Timbang Tara Perdagangan di Kuala Lumpur, Malaysia. Bilangan penimbang tara hendaklah 1 (satu) orang yang hendaklah dilantik oleh pihak berkuasa melantik yang akan dipersetujui oleh pihak-pihak yang bertikai. Jika pihak-pihak yang bertikai tidak dapat menyetujui pihak berkuasa melantik, maka AIAC akan menjadi pihak berkuasa melantik. Timbang tara akan diadakan dalam Bahasa Inggeris.</p> <p>10.2 Pertikaian</p>	Dikeluarkan secara keseluruhan

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>hendaklah diselesaikan dengan muktamad selaras dengan kaedah-kaedah yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, jika kaedah-kaedah tersebut bercanggah dengan peruntukan Klausa ini, termasuk peruntukan melibatkan pelantikan penimbang tara, peruntukan dalam Klausa ini akan mengatasi yang lain.</p> <p>10.3 Setiap pihak hendaklah bekerjasama dengan pihak satu lagi untuk membuat pendedahan penuh dan memberikan akses lengkap kepada semua maklumat dan dokumen yang diminta oleh pihak satu lagi berkenaan dengan prosiding tersebut tertakluk hanya kepada kewajipan kerahsiaan yang mengikat pihak tersebut.</p> <p>10.4 Award timbang tara adalah muktamad dan mengikat terhadap semua pihak dan mana-mana pihak boleh</p>	

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		<p>memohon kepada mahkamah dengan bidang kuasa kompeten untuk menguatkuasakan award tersebut. Kos timbang tara hendaklah ditanggung oleh pihak yang kalah.</p>	
12.	<p><b>11.6 Pemulihan</b></p>	<p>11.6 Meskipun adanya sebarang peruntukan lain dibawah Perjanjian ini, jika suatu Peristiwa Force Majeure berlaku dan Perjanjian ini tidak ditamatkan maka dalam apa-apa kes di mana operasi Kemudahan WTE itu atau mana-mana daripadanya telah musnah atau mengalami kerosakan yang ketara, Pemegang Konsesi hendaklah memulihkan bahagian Kemudahan yang rosak kepada keadaannya segera sebelum kejadian Peristiwa Force Majeure dengan perbelanjaannya sendiri. Di mana akibat pemulihan tersebut Syarikat boleh menunjukkan bahawa ia telah mengalami kos</p>	<p>19.6 Meskipun adanya sebarang peruntukan lain dibawah Perjanjian ini, jika suatu peristiwa Force Majeure berlaku dan Perjanjian ini tidak ditamatkan maka dalam apa-apa kes di mana operasi Kemudahan WTE itu atau mana-mana daripadanya telah musnah atau mengalami kerosakan yang ketara, Pemegang Konsesi hendaklah memulihkan bahagian Kemudahan yang rosak kepada keadaan segera sebelum kejadian peristiwa Force Majeure dengan perbelanjaannya sendiri . Di mana akibat pemulihan tersebut Syarikat boleh menunjukkan bahawa ia telah mengalami kos yang besar yang menjejaskan operasi Kemudahan WTE, Syarikat boleh memohon untuk lanjutan Tempoh Konsesi daripada Kerajaan Negeri dan yang hendaklah</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
		yang besar yang menjejaskan operasi Kemudahan WTE, Syarikat boleh memohon untuk lanjutan Tempoh Konsensei daripada Kerajaan Negeri dan yang hendaklah mempunyai budi bicara mutlak untuk memutuskan perkara tersebut.	<del>mempunyai budi bicara mutlak untuk memutuskan perkara tersebut.</del>
13.	<b>22.1.2 Penyerahan hak</b>	14.1.2 Pihak Konsensei berhak memindahkan dan/atau menyerahkan <b>hak semua atau mana-mana bahagian hak atau kewajipannya</b> di bawah Perjanjian ini kepada anak syarikatnya, tanpa persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan.	22.1.2 Pihak Pemegang Konsensei berhak memindahkan dan/atau menyerahkan <b>apa-apa manfaat yang diterima</b> di bawah Perjanjian ini kepada anak syarikatnya, tanpa persetujuan MBSJ.
14.	<b>Indemniti  (Tambahan Klausa)</b>	-	22.14 Indemniti  22.14.1 Pemegang Konsensei hendaklah bertanggung atas, dan hendaklah menanggung rugi MBSJ terhadap apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan, liabiliti, kerugian, tuntutan atau prosiding berkenaan kecederaan diri atau kematian

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>mana-mana individu yang berbangkit dan atau dalam masa penghantaran Sisa di Tapak Pelupusan Sanitari sepanjang tempoh Perjanjian ini dengan syarat bahawa ia disebabkan oleh apa-apa kecuaiian, penyalahgunaan, peninggalan, pelanggaran syarat Perjanjian ini atau kemungkiran oleh Pemegang Konsesi, kakitangan, ejen, pekerja, kontraktor atau pengkhidmat yang dilantik oleh Pemegang Konsesi dalam melaksanakan Perjanjian ini.</p> <p>22.14.2 Pemegang Konsesi hendaklah bertanggung atas dan hendaklah menanggung rugi MBSJ terhadap apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan, liabiliti, kerugian, tuntutan atau prosiding disebabkan oleh apa-apa bencana atau kerosakan kepada harta tanah atau harta diri MBSJ setakat mana bencana atau kerosakan itu berbangkit dari atau disebabkan oleh pelaksanaan Perjanjian ini, dengan syarat bahawa ia disebabkan oleh:-</p> <p>(i) apa-apa kecuaiian,</p>

Bil.	Klausa	Cadangan Asal	Pindaan yang Dipersetujui
			<p>penyalahgunaan, peninggalan, pelanggaran syarat Perjanjian ini atau kemungkiran oleh Pemegang Konsesi, kakitangan, ejen, pekerja, kontraktor atau pengkhidmat yang dilantik oleh Pemegang Konsesi dalam melaksanakan Perjanjian ini;</p> <p>(iii) (ii) apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta benda MBSJ atau kecederaan yang dialami atau disebabkan atau disumbangkan dalam melaksanakan Perjanjian ini oleh Pemegang Konsesi, kakitangan, ejen, pekerja, kontraktor atau pengkhidmat yang dilantik oleh Pemegang Konsesi kepada mana-mana individu yang bukan disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan sengaja, keingkaran atau kegagalan MBSJ, ejen, pekerja atau pengkhidmatnya.</p>

#### 4.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Tarikh Disediakan : 19 Ogos 2021

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR – SECARA DALAM TALIAN

- |     |  |   |                         |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1.  | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Datuk Bandar                       | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim                                     | - |                         |
| 5.  | Encik Chia Yew Ken   | - |                         |
| 6.  | Encik Mehanatan a/l Embamurthi   | - |                         |
| 7.  | Encik Thomas Low Yew Sin   | - |                         |
| 8.  | Encik Thamilarusu a/l Sandayan   | - |                         |
| 9.  | Encik Wong Yii Seang   | - |                         |
| 10. | Puan Lee Jen Uyin  | - |                         |
| 11. | Puan Ng Seow Chen  | - |                         |
| 12. | Encik Thong Kim Fatt   | - |                         |
| 13. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim   | - |                         |
| 14. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid  | - |                         |

15. Encik Mohd Fitri bin Jamaludin -
16. Puan Aniza binti Jamaludin -
17. Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan -
18. Encik Kenneth Sam A/L Saminathan -
19. Encik Jestin Raj Savarimuthu -
20. Encik Muhammad Fauzan bin Rosli -
21. Encik Mohamad Kamil bin Harun -

#### **TURUT HADIR – SECARA DALAM TALIAN (PEGAWAI MPSJ)**

1. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
3. Ts Azura Binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
4. Sr Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
5. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat dan Pengurusan  
Strategik

6. Cik Nurzahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
7. Puan Taqiah Zawani binti Adnan  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

### **TIDAK HADIR**

1. Encik M. Anbarasan A/L Murugesu - Ahli Majlis
2. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh -
3. Encik Teh Eng Teck -
4. Encik Jaafar bin Mat Akid -

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan